

BAB V

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Perkara utama yang dibincangkan di dalam penyelidikan ini adalah mengenai perkahwinan berbeza agama sebagai sesebuah wacana pemikiran hukum Islam dan amalan sebahagian masyarakat Indonesia yang sentiasa diambil kira status hukumnya. Daripada pelbagai perkara yang diuraikan di Bab I, bermula dari latar belakang masalah hingga metodologi penyelidikan, didapati bahawa perkahwinan merupakan salah satu dimensi kehidupan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Begitu pentingnya perkahwinan tidak menghairankan jika agama-agama di dunia mengatur masalah perkahwinan bahkan tradisi atau adat masyarakat dan juga institusi negara tidak ketinggalan mengatur perkahwinan yang berlaku di kalangan masyarakatnya. Namun, daripada ketentuan perkahwinan yang telah ditetapkan oleh pelbagai agama, adat, dan negara tidak sentiasa menunjukkan kesamaan aturan, terutama mengenai perkahwinan berbeza agama.

Di Indonesia, pelbagai perkara yang berhubung kait dengan perkahwinan orang Indonesia diperuntukkan oleh Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang perkahwinan. Undang-undang ini lahir sebagai sesebuah kompromi percanggahan pemikiran antara orang Islam dengan non-Muslim mengenai hukum perkahwinan bagi warga negara Indonesia. Sebagai perwujudan Undang-undang Dasar (UUD) 1945 dan Pancasila, UU Perkahwinan dalam seksyen 1 menjelaskan bahawa perkahwinan ialah ikatan lahir batin antara seorang laki-laki dengan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa, dan dalam seksyen 2 (1) menjelaskan pula bahawa perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya

itu. Selain daripada itu, Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang perkahwinan juga merupakan undang-undang yang menghapuskan segala peraturan perundangan sebelumnya yang memperuntukkan tentang perkahwinan warga negara Indonesia, sama ada Kitab Undang-undang Hukum Perdata atau *Burgelijk Wetboek* (BW), Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristian atau *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCT) 1933 No. 74, mahupun Peraturan Perkahwinan Campuran atau *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR) Staatsblad 1898 No.158.

Daripada pelbagai ketentuan perkara perkahwinan sebagaimana disebutkan di dalam UU No. 1 Tahun 1974 dapat diketahui bahawa undang-undang tersebut tidak memperuntukkan secara jelas mengenai perkahwinan berbeza agama, tetapi hanya memperuntukkan perkahwinan campuran (perkahwinan antara orang yang berbeza kewarganegaraannya). Daripada perkara ini, memunculkan perbezaan pentafsiran hukum di kalangan para pakar hukum Indonesia mengenai perkahwinan berbeza agama. Sehingga amalan perkahwinan berbeza agama pun sentiasa berlaku di kalangan sebahagian masyarakat Indonesia meski perkahwinan itu tidak ada payung hukum yang jelas. Oleh itu, dalam metodologi penyelidikan sebagaimana dijelaskan Bab I, penyelidik menyifatkan sebagai sesebuah penyelidikan hukum yang berasaskan fakta empirik. Fakta empirik tersebut, penyelidik dapati daripada tiga kawasan yang berbeza karakter masyarakatnya, iaitu Semarang mewakili masyarakat bandar, Solo mewakili masyarakat “abangan”, dan Yogyakarta mewakili masyarakat bandar yang terpelajar. Selain itu, penyelidik mengukuhkan penyelidikan ini dengan mendapatkan informasi mengenai amalan perkahwinan berbeza agama sebahagian masyarakat daripada institusi terkait.

Selanjutnya, sebagai pijakan alur perbincangan penyelidikan ini, dalam Bab II penyelidik menjelaskan mengenai konsep perkahwinan di dalam hukum perkahwinan Islam dan pelbagai peraturan perundangan tentang perkahwinan yang ada di Indonesia.

Daripada huraian dalam Bab II didapati data bahawa UU No. 1 Tahun 1974 tidak memperuntukkan secara jelas mengenai perkahwinan berbeza agama, dan juga tidak memasukkan persoalan agama sebagai syarat-syarat perkahwinan. Hanya sahaja di dalam UU Perkahwinan menjelaskan bahawa perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu (seksyen 2 (1)), serta dilarang melaksanakan perkahwinan bagi dua orang yang mempunyai hubungan yang oleh agamanya atau peraturan lain yang berkuat kuasa, dilarang berkahwin (seksyen 8 huruf f). Ketentuan mengenai perkahwinan berbeza agama dan pelbagai perkara perkahwinan secara lengkap dan jelas disebutkan di dalam Kompilasi Hukum Islam dan hukum perkahwinan Islam. Selain itu, di dalam bab ini juga dijelaskan bahawa tiap-tiap perkahwinan mestilah dicatat mengikut peraturan perundangan guna mendapatkan sijil perkahwinan sebagai sesebuah pengiktirafan perkahwinannya oleh negara.

Di dalam Bab III pula menjelaskan mengenai pandangan peraturan perundangan di Indonesia, sama ada yang berkuat kuasa mahupun yang tidak berkuat kuasa lagi, mengenai perkahwinan berbeza agama. Daripada huraian itu didapati bahawa perkahwinan berbeza agama diperuntukkan secara jelas oleh *Burgelijk Wetboek* (BW), *Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers Staatsblad* (HOCl) dan *Regeling op de Gemengde Huwelijken* (GHR). Mengikut ketentuan perundangan tersebut, ketentuan agama tidak mempunyai pengaruh terhadap sesebuah perkahwinan dan menganggap perkahwinan sebagai perkara peribadi sahaja. Sedangkan UU No. 1/1974 menyerahkan sepenuhnya kepada agama mengenai sahnya perkahwinan. Perbezaan prinsip mahupun falsafah antara UU No. 1/1974 dengan peraturan perundangan sebelumnya inilah yang menyebabkan UU No. 1/1974 tidak mungkin menampung ketentuan yang ada di dalam peraturan perundangan sebelumnya.

Daripada ketentuan yang bersifat umum di dalam UU No. 1/1974 tersebut menimbulkan pelbagai pentafsiran undang-undang dalam mengimplementasikan ketentuan itu dalam amalan perkahwinan berbeza agama. Setidaknya ditemukan tiga pentafsiran, di antaranya pertama, pentafsiran yang mengatakan bahawa perkahwinan berbeza agama merupakan pelanggaran terhadap UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan seksyen 2 (1) *juncto* seksyen 8f yang telah menjelaskan perkara itu. Kedua, pentafsiran yang mengatakan bahawa perkahwinan berbeza agama adalah sah dan dapat dilaksanakan, kerana perkahwinan telah tercakup (*include*) dalam perkahwinan campuran sebagaimana disebutkan dalam seksyen 57 UU Perkahwinan. Ketiga, pentafsiran yang mengatakan bahawa perkahwinan berbeza agama sama sekali tidak diperuntukkan dalam UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Oleh kerana itu berdasarkan seksyen 66 UU No. 1 Tahun 1974 maka persoalan perkahwinan berbeza agama dapat merujuk pada Peraturan Perkawinan Campuran (GHR) atau peraturan lainnya yang memperuntukkan mengenainya.

Selain itu, di Indonesia juga terdapat ketentuan perundangan dan pelbagai keputusan hukum organisasi kemasyarakatan Islam yang melarang secara mutlak perkahwinan berbeza agama, sama ada lelaki Muslim dengan wanita non-Muslim atau sebaliknya. Organisasi kemasyarakatan Islam yang dimaksudkan adalah Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Muhammadiyah, sedangkan ketentuan perundangan yang dimaksudkan adalah Instruksi Presiden No. 1/1991 tentang Kompilasi Hukum Islam. Namun, ketentuan dan pelbagai keputusan organisasi kemasyarakatan Islam tersebut tidak dapat menghalang berlakunya amalan perkahwinan berbeza agama di kalangan sebahagian masyarakat Indonesia. Kerana kesemua peraturan tersebut bersifat tidak mengikat, sehingga pelaksanaannya diserahkan masing-masing individu untuk mentaatinya. Hal ini disebabkan UU No. 1 Tahun 1974 sebagai UU primer yang memperuntukkan perkahwinan menyerahkan sahnya perkahwinan kepada agama dan

kepercayaannya masing-masing. Sehingga dalam pelaksanaannya, orang yang mahu melaksanakan perkahwinan berbeza agama boleh memilih ketentuan agama yang dipilih atau pendapat yang ada di dalam agama tersebut.

Di dalam Islam, para ulama berbeza pendapat dalam menetapkan hukum perkahwinan berbeza agama. Kepelbagaian pendapat yang muncul di kalangan ulama mengenai perkahwinan berbeza agama, dapat diketahui bahawa perbezaan itu bermula daripada mengertikan konsep-konsep inti berkaitan dengan permasalahan tersebut, seperti konsep musyrik dan ahli kitab. Kelompok pertama yang mengharamkan kahwin beza agama secara mutlak memahami konsep musyrik pada surah al-Baqarah (2) ayat 221 secara luas sehingga mencakup juga Yahudi dan Nasrani meskipun mereka mendapat posisi dan perlakuan khusus di dalam al-Quran. Mereka memahami ketentuan yang membolehkan mengahwini wanita Ahli Kitab dalam surah al-Māidah (5) ayat 5 telah dihapuskan oleh ketentuan umum dalam surah al-Baqarah (2) ayat 221. Kelompok kedua justeru memahami konsep Ahli Kitab secara luas, termasuk penganut agama atau kepercayaan apa sahaja yang diyakini atau disyaki mempunyai kitab suci. Mereka juga menyempitkan makna musyrik, sehingga orang musyrik sebagaimana dikehendaki oleh surah al-Baqarah (2) ayat 221 tidak ada lagi pada masa sekarang. Sementara itu, kelompok ketiga berpegang kepada makna jelas dan terang yang diungkap oleh ayat-ayat di atas dan menempatkan pada tempat masing-masing. Dengan demikian, mereka pada asasnya melarang perkahwinan antara orang Islam dengan non-Muslim secara umum. Kemudian, mereka membolehkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab sebagai suatu rukhsah dan pengecualian.

Daripada hujah yang dikemukakan, kelompok ketiga yang merupakan pendapat jumhur ulama dipandang lebih kuat. Namun, bukan bererti mesti dan baik untuk dilaksanakan. Perkahwinan berbeza agama, meskipun terhad hanya antara lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab, dikhuatirkan akan mendatangkan masalah dan

kemudahan, sama ada dalam aspek akidah, kebahagiaan rumah tangga, pendidikan anak, dan sebagainya. Oleh sebab itu, banyak ulama yang sebenarnya mengakui kebolehan perkahwinan berbeza agama terhadap tersebut, tetapi mereka memberikan status hukum makruh, sebagaimana dikemukakan oleh kalangan Syāfi'iyah, Hanāfiyah dan Mālikiyah. Sikap ini lebih tepat sebagai sikap hati-hati dan sesuai dengan prinsip *sadh al-dhārīah*.

Daripada huraian Bab IV pula diketahui bahawa di dalam sejarah Islam, amalan perkahwinan berbeza agama sudah pun dilaksanakan sejak masa Rasulullah SAW. Selain itu, dalam proses penetapan hukum amalan perkahwinan berbeza agama pada masa awal Islam sangat dipengaruhi oleh keadaan sosial dan politik masa itu. Pada masa Rasulullah SAW, larangan perkahwinan berbeza agama wujud pada saat umat Islam berada dalam keadaan yang sangat membimbangkan akibat daripada tekanan politik dan penderaan kafir Quraisy terhadap umat Islam sehingga umat Islam dituntut untuk selalu waspada terhadap mereka dalam bentuk apa pun. Namun selepas keadaan itu berubah, perkahwinan berbeza agama pun dibolehkan dengan batasan sebagaimana yang ditunjukkan oleh al-Quran.

Situasi yang hampir sama juga berlaku di Indonesia dalam proses penetapan hukum amalan perkahwinan berbeza agama. Di Indonesia, wujudnya larangan perkahwinan berbeza agama melalui fatwa lembaga keagamaan (baca: Organisasi Massa Islam) dan Kompilasi Hukum Islam merupakan langkah untuk mencegah dalam mengurangi pertukaran agama, menghentikan arus Kristianisasi, dan melemahkan pengaruh Kristian dalam kekuasaan. Sedangkan UU Perkahwinan mengambil jalan tengah dengan tidak memasukkan aturan mengenai perkahwinan berbeza agama dalam undang-undang tersebut, hanya menjelaskan bahawa sahnya perkahwinan ditentukan oleh agama dan kepercayaan masing-masing. Sebab bagaimanapun juga UU Perkahwinan merupakan hasil kompromi antara umat Islam dengan pemerintah Orde

Baru yang menghendaki memisahkan agama dan negara serta memandang perkahwinan dari sisi perdata sahaja.

Daripada perkara di atas, di Indonesia, orang yang mahu melaksanakan perkahwinan berbeza agama sering kali melakukan pelbagai prosedur agar sekiranya perkahwinannya mendapatkan pengiktirafan daripada negara melalui sijil perkahwinan yang diberikan. Di antara prosedur yang dilakukannya adalah merayu Kantor Catatan Sipil agar mencatat perkahwinan tersebut, oleh kerana hanya Kantor Catatan Sipil-lah yang mahu melaksanakannya; melalui keputusan mahkamah dalam hal terjadi penolakan oleh pegawai pencatat perkahwinan; berkahwin di luar negara; dan berpindah agama mengikut agama pasangannya. Pelbagai prosedur ini dilakukan kerana kebanyakan institusi yang mempunyai bidang kuasa perkahwinan selalu hanya menganggap sah perkahwinan yang seagama sahaja, tanpa mengambil kira wujudnya kebolehan perkahwinan berbeza agama di masing-masing agama. Padahal di antara agama-agama yang diiktiraf oleh Negara Indonesia, hanya agama Hindu dan Budha sahaja yang melarang secara mutlak perkahwinan berbeza agama. Sedangkan di dalam agama Islam terdapat pendapat yang membolehkan perkahwinan berbeza agama, iaitu perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab, serta agama Kristian Katolik dan Kristian Protestan yang juga membolehkan perkahwinan berbeza agama tanpa had dengan syarat pasangan yang berbeza agama mahu mengikuti aturan yang telah ditetapkan oleh gereja.

Perkahwinan berbeza agama jika dilihat dari segi maslahat dan *mafsadat*nya sememangnya lebih banyak *mafsadat*nya. Namun *mafsadat* yang sangat dikhuatirkan oleh beberapa ulama, seperti berpindahnya orang Islam ke agama pasangannya, tidak sepenuhnya berlaku di keluarga berbeza agama. Justeru terkadang maslahat yang sebenarnya daripada perkahwinan berbeza agama, iaitu dakwah islamiah dapat terwujud. Daripada dapatan kajian yang didapati penyelidik diketahui bahawa

perkahwinan berbeza agama boleh menciptakan hakikat dan tujuan perkahwinan, iaitu keluarga yang bahagia, harmoni, dan demokrasi. Sehingga perbalahan keyakinan di antara suami isteri jarang berlaku. Sebab mereka sebelum melangkah ke jenjang perkahwinan sudah berkomitmen untuk saling menghormati dan menghargai satu sama lain berasaskan cinta. Selain itu, perpindahan agama jarang sekali berlaku di antara orang Islam yang melakukan perkahwinan berbeza agama, hanya sahaja anak-anak biasanya akan mengikut pada salah satu orang tua yang lebih banyak mempunyai masa untuk anak-anaknya dan salah satu orang tua yang soleh dalam beragama.

5. 2 Saranan

Daripada pelbagai perkara yang telah dihuraikan di dalam penyelidikan ini, perkara yang patut menjadi perhatian utama dalam menyelesaikan perbezaan pendapat mengenai perkahwinan berbeza agama adalah saling menghargai dan menghormati masing-masing pendapat tanpa adanya justifikasi pendapat sehingga menyalahkan pendapat lainnya. Kerana perbezaan pendapat yang berasaskan hujah, nas, dan situasi merupakan rahmat bagi manusia.

Di samping itu, penyelidik lebih sepakat dengan pendapat majoriti ulama yang tidak melarang perkahwinan berbeza agama secara keseluruhan, namun dengan sikap hati-hati dalam melaksanakannya. Di mana ketika seorang lelaki Muslim merasa tidak mampu melakukan dakwah Islam pada calon isterinya yang non Muslim dan tidak mampu membimbing anak-anaknya kelak secara Islam, maka lebih baik ia menghindari perkahwinan sedemikian, dan sebaliknya. Sehingga, bagi masyarakat Muslim yang mahu berkahwin dengan wanita non Muslim, lebih baik menghindari amalan sedemikian jika tidak mampu menjalankan dakwah Islam, membimbing dan mendidik anak-anaknya secara Islam.

Dan bagi perundangan di Indonesia, tidak seharusnya melarang secara mutlak perkahwinan seperti itu, seperti ketentuan dalam Kompilasi Hukum Islam, tetapi memberikan ketetapan yang berasaskan iktibar dari keputusan Khalifah ‘Umar bin Khaṭṭāb, iaitu membolehkan dengan syarat-syarat yang tegas. Sehingga jika syarat itu tidak boleh dilaksanakan oleh seorang lelaki Muslim, maka ianya dilarang. Perkara ini boleh merujuk daripada ketentuan perundangan Indonesia yang memperuntukkan tentang poligami, di mana Undang-undang Perkahwinan berasaskan perkahwinan monogami tetapi membolehkan kahwin lebih daripada satu dengan syarat yang jelas dan tegas. Langkah ini perlu diambil dengan alasan al-Quran sebagai sumber hukum Islam membolehkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab, majoriti ulama dalam Islam juga membolehkan perkahwinan seperti itu, serta masih ada kemungkinan masalah daripada perkahwinan seperti itu dapat dilaksanakan iaitu berdakwah. Di samping itu, tidak semua *mafsadat* daripada perkahwinan berbeza agama sebagaimana yang dikhuatirkan sebahagian ulama berlaku pada setiap keluarga yang berbeza agama.

Selain daripada itu, UU No. 1/1974 sebagai aturan pokok mengenai perkahwinan warga negara Indonesia sebaiknya menampung perbezaan pendapat di masing-masing agama yang diiktiraf oleh negara. Sehingga ketentuan yang ada di dalam undang-undang tersebut dapat dijadikan payung hukum bagi orang yang mahu melakukan perkahwinan berbeza agama dengan mengikut pendapat yang membolehkannya. Oleh itu, langkah yang terbaik bagi pembuat undang-undang adalah melakukan pindaan terhadap UU No. 1/1974 tentang perkahwinan, sehingga mengandungi ketentuan yang jelas dan tegas mengenai perkahwinan berbeza agama demi menciptakan keteraturan hukum dan ketertiban masyarakat.